

HARGA TIDAK BAYANGKAN MUTU PROTON SAGA

Rakyat mampu memilikinya: PM

2 SEP 1985

Oleh MIOR
KAMARUL SHAHID

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan meletakkan harga yang berpatutan bagi Proton Saga bukanlah kerana mutunya yang rendah, tetapi untuk memastikan lebih ramai rakyat memiliki kereta buatan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan penjualan kereta nasional hari ini berkata, dengan harga yang berpatutan itu sebahagian besar rakyat negara ini mampu memiliki Proton Saga. *(car project)*.

Serentak dengan pelancaran penjualan itu, Datuk Seri Dr Mahathir merasmikan pembukaan Ibu Pejabat Edaran Otomobil Nasional (EON) di Batu Tiga, Shah Alam, Selangor dekat sini, dan semua 20 cawangannya di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mewujudkan Proton dan EON bukan semata-mata untuk membuat dan memasarkan kereta.

"Kita juga menegakkan maruah bangsa dan negara. Kereta nasional bukan sahaja kereta yang bermutu, malah melambangkan maruah bangsa yang sanggup menghadapi cabaran, bangsa yang bila jatuh akan bangun semula dan mengatasi sebarang rintangan serta bangsa yang akan berjaya.

"Jika kita menerima pendapat pengkritik-pengkritik, bukan sahaja kita tidak akan melihat Proton Saga hari ini, malah kita mungkin tidak akan ada ladang getah, kelapa sawit atau koko atau perindustrian petroleum.

"Jika kita lihat laporan-laporan akhbar di masa lalu, semua industri ini dikritik kerana kononnya tidak praktikal, merugikan dan sebagainya," katanya.

Titik permulaan

Perdana Menteri berkata, semua yang diusahakan oleh manusia bermula dengan satu titik permulaan. Walaupun pada mulanya ia satu titik yang kecil, tetapi potensinya untuk membesar tidak terhad.

"Justeru itu, janganlah diperkecilkan usaha ini. Janganlah dengan sengaja menggagalkan kereta nasional ini. Sebaliknya, berbanggalah dengannya, dengan kebolehan kita dan berbanggalah dengan permulaan yang kita terokai.

"Jika kita berjaya, bukan sahaja kita dihormati tetapi juga akan memperolehi keuntungannya. Sebaliknya, jika kita gagal, bukan sahaja kita akan rugi, tetapi dunia akan ketawakan kita. Orang Malaysia yang berusaha menggagalkan usaha kita juga akan diketawakan oleh dunia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap EON akan memenuhi semua pesanan yang dibuat dengan cekap dan memastikan perkhidmatan sokongannya dirancang dengan teliti.

Beliau menasihatkan EON supaya memastikan sebarang keperluan alat-alat ganti kereta nasional diperolehi dengan mudah.

● LAGI GAMBAR DAN BERITA DI MUKA 2

"Saya yakin EON sudah membuat kajian, terutama ke atas operasi agensi-agensi pasaran kereta yang sudah lama bertapak di negara ini," tambahnya.

Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan dan pekerja-pekerja Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hicom), Perusahaan Automobil Nasional Berhad (Proton) dan EON kerana berusaha dengan gigih bagi menjayakan projek itu.

"Hasil usaha mereka, kereta yang bermutu tinggi disaksikan hari ini setanding dengan kereta-kereta lain. Kerja yang dibuat dengan cekap, yang menghasilkan barang yang bermutu tinggi adalah kerja yang mulia.

"Tidaklah salah jika pekerja bangga dengan hasil kerjanya. Jika setiap barangan Malaysia bermutu tinggi, semua rakyat boleh berbangga dan sudah tentu negara akan maju dan rakyat lebih bahagia," katanya.